

26/12/2003

UiTM tubuh tujuh institut baru

Mohd Feroz Abu Bakar

UNIVERSITI Teknologi Mara (UiTM) menubuhkan tujuh institut baru dan menaik taraf pusat tertentu selaras penstrukturan semula fakulti dan institut kecemerlangannya dalam usaha muncul universiti unggul dan bertaraf dunia menjelang 2010.

Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Ibrahim Abu Shah, berkata penyusunan semula fakulti dan penubuhan institut baru itu diluluskan Senat UiTM dan Lembaga Pengarah Universiti.

Beliau berkata, satu daripada institut baru itu ialah Institut Penyelidikan Kewartawanan yang ditubuhkan bertujuan mengoptimum kepakaran pensyarah universiti terawal menawarkan program berkenaan.

Katanya, dana penyelidikan yang sesuai akan dimohon, selain mendapatkan peruntukan untuk membina bangunan institut itu dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (2006-2010).

Institut baru lain ialah Institut Penyelidikan Reka Bentuk, Institut Penyelidikan Alam Bina, Institut Penyelidikan Alam Sekitar, Institut Penyelidikan Sains, Institut Kepemimpinan dan Pembangunan Pelajar serta Institut Kepemimpinan dan Pengurusan Kualiti.

"Sebahagian besar institusi berkenaan memberi tumpuan terhadap penyelidikan dan pembangunan serta perundingan dan penerbitan.

"Sejak 50 tahun lalu, UiTM berjaya dalam peranannya sebagai universiti pengajaran dan sudah menghasilkan kira-kira 200,000 graduan yang kini bertugas dalam semua bidang.

"UiTM juga mahu mencipta nama dalam bidang Penyelidikan & Pembangunan kerana universiti ini mempunyai hampir 4,000 pensyarah termasuk yang mempunyai pengalaman kerja dalam industri yang sama dengan pengkhususan mereka," katanya kepada Berita Harian.

Dr Ibrahim berkata, universiti itu juga akan mengukuhkan peranan Pusat Sejarah Intelektual dan Pemikiran Melayu yang kini diletakkan di bawah Institut Pengembangan Ilmu (InKA).

Beliau berkata, pusat itu akan menyelidik susur galur idea dalam tamadun Melayu, termasuk daya intelektual bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Selain itu, katanya, UiTM akan menaik taraf Pusat Bahasa menjadi Akademi Pengajian Bahasa bagi membolehkannya menawarkan program lebih mantap berkaitan bahasa dan linguistik.

"Universiti ini juga akan menubuhkan Akademi Pengajian Kemanusiaan, Akademi Seni Muzik, Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam," katanya.

"Kita turut menyatukan beberapa jabatan dan unit berkaitan pengurusan peperiksaan menjadi lembaga peperiksaan bagi mengendalikan penilaian pelajar dengan lebih kukuh," katanya.

Dr Ibrahim berkata, penubuhan pusat atau akademi itu akan menjadikan UiTM sebagai universiti unggul dan bertaraf dunia menjelang 2010.

Beliau berkata, peranan dan bidang tugas beberapa jabatan sedia ada yang mungkin boleh digabung atau dipisahkan juga akan dikaji. Antaranya Institut Pengajian Siswazah, Pusat Perkembangan Pendidikan, Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia, Pusat Penyelidikan Tanah Runtuh, Pusat Pengajian Pengangkutan Malaysia dan Pusat Penerbitan Universiti.

"Beberapa fakulti mungkin digabungkan dan sebahagian lagi dipisahkan bagi membolehkannya menjalankan proses pendidikan dengan lebih berkesan. Ini akan diumumkan selepas proses penstrukturan semula fakulti selesai awal tahun depan," katanya.